

'Syarikat mahu pindah tapak UM tak sensitif warisan negara'

BH-17/6/2007

KUALA LUMPUR: Pemuda Umno semalam menyifatkan hasrat sebuah syarikat hartanah yang mahu memindahkan kampus induk Universiti Malaya (UM) untuk dibangunkan sebagai kawasan komersial sebagai tidak sensitif terhadap nilai sejarah dan warisan universiti tertua negara.

Naib Ketuanya, Khairy Jamaluddin berkata, tiada sebab UM perlu dipindahkan dan tawaran itu perlu ditolak kerajaan serta lembaga pengarah universiti itu kerana ia hanya akan menguntungkan pihak pemaju.

"Pemuda Umno sokong keputusan tidak setuju dan saya harap tiada cadangan sebegini lagi daripada pihak pemaju dan sebagainya yang tidak sensitif kepada warisan dan sejarah negara yang hanya kejar keuntungan," katanya.

Beliau ditemui selepas majlis penutupan Seminar Legasi Tun Razak anjuran bersama Akademi Pemuda dan Persatuan Alumni Yayasan Tun Razak di Pusat Konvensyen Sime Darby dekat sini, semalam.

Khairy berkata kedudukan UM di Lembah Pantai agak strategik dengan keluasan yang cukup untuk menampung jumlah bangunan dan pelajar buat masa ini.

"Kalau ada permintaan diperluaskan mungkin satu kampus satelit boleh diwujudkan (di tempat lain) tetapi jangan pindah kampus induk ke tempat lain," katanya. — Bernama